

***Tarikh Dibaca: 11 September 2015***

# **KHUTBAH JUMAAAT**

***Tajuk:***

***“MENGENALI QANUN JENAYAH  
SYARIAH”***

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsalan (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "MENGENALI QANUN JENAYAH SYARIAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا كَذَلِكَ  
يُبَيِّنُ اللَّهُ أَيَّتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ

أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan sedaya upaya mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang muttaqin.



Pada hari yang mulia ini, marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk "**MENGENALI QANUN JENAYAH SYARIAH**".

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Sesungguhnya Allah SWT mencipta manusia dengan pelbagai bangsa, rupa, budaya dan aras pemikiran serta emosi yang berbeza. Maka Allah SWT juga telah menurunkan satu Syariat yang lengkap untuk manusia seluruhnya, demi untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 179:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَتَأْوِلُ الْأَلْبَبُ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ  
١٧٩

*"Dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui keadaan dan keperluan hidup manusia dalam bermasyarakat. Bahkan Allah SWT yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih akan memastikan kehidupan manusia tidak menjadi porak peranda tanpa panduan dan petunjuk daripada-Nya.

Kerana itulah, syariat Islam ini diturunkan dengan begitu lengkap, merangkumi segenap aspek kehidupan daripada soal bagaimana hendak beribadat hingga ke kepada aspek sosialnya, perundangan, ekonomi, kewangan, kenegaraan, hubungan antarabangsa dan sebagainya.



## **Sidang hadirin yang dimuliakan,**

Apakah yang dimaksudkan dengan Qanun Jenayah Syariah ?

Qanun Jenayah Syariah adalah undang-undang yang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan nyawa, tubuh badan, maruah, agama, keturunan dan harta benda orang lain dengan mengikuti lunas-lunas syarak.

Sebenarnya Qanun Jenayah Syariah ini telah pun dilaksanakan dengan cemerlangnya di zaman Rasulullah, Khulafa' al-Rasyidin, kerajaan Islam Umayyah, Abbasiyyah, Andalusia dan Empayar Uthmaniah dan umat manusia ketika itu hidup dengan aman damai dan mengecap keadilan dalam pemerintahan. Sejarah juga mencatatkan pelaksanaannya oleh Kerajaan Melayu Melaka yang menguasai perdagangan Timur dan Barat ketika itu, Kerajaan Terengganu, Perak, Pasai dalam rumpun Melayu keseluruhannya suatu masa dahulu sebelum dijajah oleh kuasa Eropah.

Pelaksanaannya telah membuktikan keamanan dan kebahagiaan, sebagai contohnya kerajaan Arab Saudi dalam tempoh pelaksanaannya selama 24 tahun, hanya 16 orang sahaja dijatuhi hukuman potong tangan kerana mencuri. Dan diperingkat awal lagi kerajaan Brunei juga telah merasai kesan yang baik setelah melaksanakan Qanun Jenayah Syariah bagi fasa pertama.

## **Sidang Jumaat yang berbahagia,**

Qanun Jenayah Syariah merangkumi tiga aspek, iaitu :

1. Undang-undang bagi kesalahan Qisas.



laitu yang melibatkan kesalahan bunuh dan kecederaan yang boleh dibalas sama sepertinya yang melibatkan kesalahan qisas dan diyat.

## 2. Undang-undang Hudud.

Di mana terdapat enam kesalahan jenayah yang akan dijatuhi hukuman mandatori, iaitu kesalahan zina dan liwat, menuduh orang berzina (qazaf), minum arak, mencuri, merompak dan murtad.

## 3. Undang-undang Ta'zir.

laitu kesalahan jenayah selain daripada kesalahan qisas dan hudud. Yang mana hukuman ta'zir akan diputuskan menurut kesesuaian oleh pihak pemerintah.

### **Sidang Hadirin yang dimuliakan,**

Pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah ini amat bertepatan dengan perintah Allah SWT serta dengan petunjuk Rasulullah SAW kepada kita.

Bagi kesalahan zina, firman Allah SWT dalam Surah An-Nur, ayat 2 yang bermaksud:

*"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebatan dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat serta hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan itu oleh sekumpulan daripada orang yang beriman".*

Bagi kesalahan Qazaf, iaitu tuduhan zina, Firman Allah SWT dalam Surah An-Nur, ayat 4 yang bermaksud:



"Orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka 80 kali sebatan dan janganlah kamu menerima penyaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang yang fasiq".

Bagi kesalahan mencuri pula, firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 38 yang bermaksud:

"Lelaki yang mencuri dan wanita yang mencuri, maka potonglah (pergelangan) tangan (kanan) mereka sebagai satu pembalasan terhadap apa yang mereka telah kerjakan dan sebagai seksaan daripada Allah. Allah maha berkuasa, lagi Maha Bijaksana".

Bagi kesalahan murtad pula, hadis dari Ikrimah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang menukar agama (Islamnya), maka hendaklah kamu membunuhnya".

(Riwayat Al-Bukhari).

Bagi tujuan memelihara akal, maka Islam melarang keras umatnya meminum arak. Kesalahan meminum arak boleh dijatuhi hukuman 40 kali sebatan sebagaimana hadis daripada Anas Bin Malik RA bahaw Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَرَبَ فِي الْخَمْرِ بِالْجَرِيدِ  
وَالنِّعَالِ وَجَلَدَ أَبُو بَكْرَ أَرْبَعِينَ



*"Rasulullah SAW telah mengenakan hukuman pukul dalam kes arak dengan menggunakan pelepas tamar dan kasut. Abu Bakar RA pula merotan sebanyak 40 kali".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

Dan begitulah seterusnya bagi kesalahan-kesalahan yang lainnya, semuanya mempunyai sandaran hukum sama ada daripada Al-Quran, Hadis dan sumber-sumber perundangan Islam yang lainnya.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Setelah kita memahami apa itu kebaikan-kebaikan pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah, maka amat tidak wajar bagi kita sebagai umat Islam membelakangi hukum-hukum Allah dan Rasul-Nya dalam perkara ini, sehingga kita berani mengambil perundangan yang direka cipta oleh manusia biasa. Adalah amat malang, terdapat umat Islam yang mengatakan bahawa Qanun Jenayah yang diturunkan oleh Allah SWT itu sudah tidak sesuai lagi, ketinggalan zaman bahkan ada yang berani mengatakan bahawa undang-undang Islam ini tidak adil.

Sedangkan kita telah berikrar dalam ikrar yang kita lafazkan setiap kali solat:

إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ

*"Sesungguhnya sembahyangku, pengabdianku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah tuhan sekalian alam".*



Allah SWT mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam surah al-Ahzab, ayat 36 :

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَ  
أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْحَيْرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ, فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا



"Tidaklah patut bagi lelaki dan wanita yang beriman, apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan suatu keputusan mengenai sesuatu perkara, mereka mempunyai pilihan sendiri mengenai urusan mereka. Sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Sedarlah bahawa statistik jenayah yang berlaku pada hari ini tidak pernah berkurangan walaupun kita mengguna pakai perundangan ciptaan manusia itu. Bahkan pelaku kesalahan itu akan mengulangi dan mengulangi lagi kesalahannya setelah keluar daripada penjara. Sepertinya mereka tidak akan serik dan tidak takut melakukan jenayah tersebut.

Lihatlah tinta emas sejarah Islam, apabila seluruh syariat Islam dilaksanakan dalam kerajaan Islam dahulu, tamadun kemanusiaan telah berkembang pesat dalam pelbagai bidang, masyarakat hidup aman sentosa, kemajuan sains dan teknologi telah mengalami anjakan yang amat jauh



kehadapan, kegembilangan ilmu telah merentas zaman, sehingga merubah tamadun manusia di Eropah dan Barat.

### Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, maka saranan dan perhatian penting kepada kita adalah:

1. Umat Islam hendaklah mengenali, memahami dan mempelajari Qanun Jenayah Syariah yang diturunkan oleh Allah SWT.
2. Umat Islam tidak perlu merasa takut tentang perlaksanaan Qanun Jenayah Syariah kerana telah terbukti keberkesanannya dari sudut keadilan, kesejahteraan dan ketamadunan ummah.
3. Umat Islam wajib mengimani dengan penuh yakin apa yang dijanjikan oleh Allah SWT untuk kehidupan yang lebih baik, penuh keberkatan dan diredhai oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
فَكَيْفَ إِذَا جَئْنَا مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدٌ وَجَئْنَا بِكَ عَلَىٰ  
هَؤُلَاءِ شَهِيدًا

"Maka bagaimakah (keadaan orang-orang kafir pada hari akhirat kelak), apabila Kami mendatangkan seorang saksi (iaitu rasul mereka sendiri) daripada tiap-tiap umat dan Kami mendatangkan engkau (wahai Muhammad) sebagai saksi terhadap umatmu ini?".

(Surah al-Nisa' : 41).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِأَقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰغُور، سُلْطَانٌ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه  
الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانٌ صَلَّٰحُ الدِّينِ عَبْدُ  
الْعَزِيزِ شاه الْحَاجُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدِ  
سَلَّٰغُور، تَغْكُو أَمِيرَ شاه ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الْدِينِ ادريس شاه الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَّاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman yang difatwakan sesat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.